

**NO. SOALAN: 287**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH HIM**

**RUJUKAN : 9754**

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan dan negara asal pelarian yang telah ditawarkan peluang bekerja di Malaysia. Apakah Kerajaan akan menawarkan latihan vokasional kepada pelarian-pelarian tersebut.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman, Malaysia bukan Negara Anggota kepada Konvensyen mengenai Status Pelarian 1951 dan/atau Protokolnya 1967. Dasar Negara juga sehingga kini tidak mempunyai peruntukan atau takrifan khusus yang menyentuh mengenai 'pelarian' termasuk Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155). Walau bagaimanapun, berdasarkan Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23 Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Yang Memegang Kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR), Kerajaan atas dasar kemanusiaan, membenarkan PATI yang memegang Kad UNHCR tinggal sementara di negara ini menggunakan *case-to-case basis*.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mac 2016 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja melibatkan kementerian dan agensi yang berkenaan bagi memperincikan dasar dan prosedur pelaksanaan Projek Perintis Kebenaran Bekerja Untuk Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya termasuk aspek perundangan dan teknikal yang berkaitan.

Projek Perintis ini memfokuskan kepada golongan Etnik Rohingya kerana mekanisme ini merupakan jalan terbaik memandangkan golongan ini tidak diterima untuk pulang ke negara asal. Projek Perintis ini turut dilihat memberi ruang kepada golongan pemegang kad ini untuk menyara kehidupan melalui pekerjaan yang sah dan sekali gus dapat mengekang mereka daripada terlibat dengan aktiviti jenayah dan sosial. Selain itu, Projek Perintis ini akan lebih memudahkan pihak Kerajaan memantau keberadaan mereka dalam negara, meningkatkan

**kemahiran teknikal mereka serta memberi laluan kepada bentuk kerjasama antara Kerajaan dan UNHCR untuk lebih mempercepatkan proses penempatan ke negara ketiga.**

**Projek Perintis ini menyasarkan 300 orang kumpulan kecil Etnik Rohingya yang bekerja di bawah sektor perladangan dan perkilangan sahaja.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[PASIR PUTEH]

SOALAN :

**YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pelaksanaan pembangunan Wilayah ECER berjaya menarik pelaburan luar untuk memajukan kawasan-kawasan perindustrian di Kelantan dan berapakah hasil pelaburan yang sudah diperoleh.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2007, ECERDC telah melaksanakan beberapa projek di Kelantan khususnya di Gua Musang, Tok Bali, Kota Bharu, Pasir Puteh, Kuala Kerai dan Bachok yang berjaya menarik pelaburan dari luar. Antaranya adalah projek-projek seperti berikut:

a) Taman Industri Halal Pasir Mas

Projek ini yang memfokuskan kepada aktiviti hiliran bagi produk halal bernilai tinggi (makanan dan bukan makanan) dengan penyediaan bangunan SME, pusat pengumpulan, pembungkusan dan pengedaran (CPPC), pusat pengurusan taman industri termasuk *land subdivision* dan *title survey*.

Bagi Fasa 1 projek ini, 75.6% daripada lot tanah telah pun diduduki oleh pelabur. Jumlah pelaburan komited bagi projek ini adalah RM20 juta.

b) Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali

Dibangunkan sebagai taman integrasi yang merangkumi pelbagai komponen seperti industri perikanan, aktiviti keusahawanan dan komersial, industri pelancongan dan juga pembangunan modal insan. Jumlah pelaburan komited bagi projek ini adalah RM141 juta.

Sehingga akhir 2016, sebanyak 60 syarikat swasta terlibat dalam projek-projek ECERDC di Kelantan dengan jumlah pelaburan dianggarkan berjumlah RM12.7 bilion di mana RM2.2 bilion telah direalisasikan atau diperolehi.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017